

MAHATHIR-BUKTI 金'金'金'
1979

BAGAN DATOH, 3 JUN (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA HARI INI, MALAYSIA ADALAH BUKTI KEPADA DUNIA BAHAWA SEBUAH NEGARA BERBENTUK BERBILANG KAUM YANG MEMPUNYAI KEHENDAK DAN PENDAPAT YANG TIDAK SAMA BOLEH BERKEMBANG DENGAN AMAN.

TAMBAH BELIAU, KEJAYAAN INI DISEBABAKAN SEBILANGAN BESAR RAKYAT NEGARA INI TERDIRI DARIPADA ORANG-ORANG YANG INGIN HIDUP BEKERJASAMA DALAM SUASANA DAMAI ANTARA SATU SAMA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN UMNO BAGHAGIAN BAGAN DATOH DI SINI.

KATANYA, KERAJAAN JUGA BANYAK BERTANGGUNG JAWAB MEWUJUDKAN SATU KEADAAN DIMANA RAKYAT TELAH DAPAT BEKERJASAMA MEMBENTUK SEBUAH NEGARA YANG AMAN LAGI PROGRESIF.

KATANYA LAGI, ADALAH MENJADI DASAR KERAJAAN MEMPERLUASKAN PELUANG-PELUANG EKONOMI NEGARA SUPAYA MENCUKUPI BAGI SEMUA KAUM.
—BERSAMBUNG 1735/AH

B568

MAHATHIR-BUKTI 2 BAGAN DATOH

BAGAIMANAPUN TAMBAHNYA, MEMANG RENAR ADA SAJA ORANG YANG TIDAK PUAS HATI DENGAN DASAR KERAJAAN INI, DAN INI ADALAH SATU PERKARA YANG BIASA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK MUNGKIN MEMUASKAN HATI SEMUA PIHAK.

KATANYA, RAKYAT BOLEH MENUNTUT DAN MEMINTA TETAPI KERAJAAN TIDAK DAPAT MELAYAN DAN MENUNAIKAN KESEMUANYA.

KERAJAAN AKAN MEMBERI SETAKAT MANA YANG BOLEH DAN ADIL.
TAMBAH BELIAU.

—BERNAMA 1737/AH